

PENGHAYATAN NILAI SOSIAL DALAM HADIS ŞAḤĪḤ AL- BUKHĀRĪ SEBAGAI ASAS PEMBINAAN TAMADUN RAHMAH

SOCIAL ETHICS IN THE HADITHS OF ŞAḤĪḤ AL-BUKHĀRĪ AND THEIR ROLE IN THE FORMATION OF A COMPASSIONATE CIVILIZATION

Mohamad Hafiz Darpen¹ *

Ali Abdul Jalil²

Muaz Mohd Ghani Basri³

¹ Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ).

Email: hafizdarpen@kuiips.edu.my

² Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ).

Email: alijalil@kuiips.edu.my

³ Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ).

Email: muazghanibasri@kuiips.edu.my

*Corresponding author: hafizdarpen@kuiips.edu.my

Article history

Received date : 5-8-2026

Revised date : 6-8-2026

Accepted date : 12-9-2026

Published date : 17-9-2026

To cite this document:

Darpen, M. H., Abdul Jalil, A., & Mohd Ghani Basri, M. (2026). Penghayatan nilai sosial dalam hadis Şaḥīḥ al-Bukhārī sebagai asas pembinaan tamadun rahmah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (86), 396 – 407.

Abstract: *The Prophetic Sunnah (al-Sunnah al-Nabawiyyah) constitutes the second primary source of Islamic law, serving not only as an elucidation of the Qur'ān but also as a repository of ethical and social values that shape human social life. Within the scholarly tradition of ḥadīth studies, attention to the deeper meanings and wisdom embedded in the Prophetic traditions has often been expressed through approaches of istinbāt (deductive inference) and through careful consideration of the maqāṣid (higher objectives) and ethical dimensions reflected in authentic narrations. In this regard, the present study examines the appreciation and internalization of social values contained in the ḥadīths of Şaḥīḥ al-Bukhārī as a foundation for the construction of a society grounded in the concept of a compassionate civilization (tamadun rahmah). Methodologically, this research adopts a qualitative thematic analysis of socially oriented ḥadīths compiled in this seminal work, with particular reference to authoritative classical commentaries of ḥadīth scholars, especially Fath al-Bārī by Ibn Hajar al-'Asqalānī. Through these sources, the study seeks to explore the dimensions of meaning, ethical values, and social guidance embedded within the selected narrations. The analysis focuses on several central values, including rahmah (compassion), ta'āwun (mutual assistance), ukhuwwah (brotherhood), social justice, and the preservation of human dignity—principles that form the foundation of societal well-being within the framework of Islamic civilization. The findings indicate that the authentic ḥadīths preserved in the compilation of Muḥammad ibn Ismā'īl al-Bukhārī do not merely record juristic rulings (aḥkām fiqhīyyah), but also articulate comprehensive social principles that contribute to the formation of a morally grounded and civilized society. When understood through the methodological lens of the muḥaddithūn and applied contextually, these values possess significant potential to serve as guiding principles for the development of a compassionate, balanced, and just society in the face of contemporary*

challenges, including modernization and globalization. Consequently, a deeper engagement with the social values embedded in authentic ḥadīth literature should be strengthened as a vital intellectual foundation in efforts to cultivate a sustainable civilization inspired by the principle of *rahmān li al-‘ālamīn*.

Keywords: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Prophetic Sunnah, Social Values in Hadith, Islamic Social Ethics, Civilization of Mercy.*

Abstrak: *Sunnah Nabawiyah merupakan sumber kedua dalam syariat Islam yang bukan sahaja berfungsi sebagai penjelas kepada al-Qur'an, bahkan turut mengandungi kerangka nilai yang membentuk kehidupan sosial manusia. Dalam tradisi ulama hadis, perhatian terhadap dimensi makna dan hikmah hadis sering dizahirkan melalui pendekatan istinbāt dan pengamatan terhadap maqāṣid serta adab yang terkandung dalam riwayat-riwayat sahih. Sehubungan itu, kajian ini meneliti penghayatan nilai sosial yang terdapat dalam hadis-hadis Ṣaḥīḥ al-Bukhārī sebagai asas pembinaan masyarakat yang berteraskan konsep tamadun rahmah. Secara metodologinya, kajian ini menggunakan pendekatan analisis tematik terhadap hadis-hadis sosial yang terhimpun dalam karya agung tersebut dengan merujuk kepada syarah-syarah muktabar ulama hadis, khususnya karya Fath al-Bārī oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī, bagi menelusuri dimensi makna, nilai dan petunjuk sosial yang terkandung dalam hadis-hadis tersebut. Analisis ini menumpukan kepada beberapa nilai utama seperti rahmah, ta‘āwun (saling membantu), ukhuwwah, keadilan sosial dan pemeliharaan maruah insan, yang merupakan asas kepada kesejahteraan masyarakat dalam kerangka tamadun Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa hadis-hadis sahih dalam karya Muḥammad ibn Ismā‘īl al-Bukhārī bukan sekadar merakamkan hukum-hakam fiqhīyah, bahkan mengandungi prinsip-prinsip sosial yang menyumbang kepada pembentukan masyarakat berakhlak dan berperadaban. Nilai-nilai tersebut, apabila difahami melalui pendekatan para muhaddithin dan diaplikasikan secara kontekstual, berpotensi menjadi asas kepada pembangunan masyarakat yang berteraskan rahmah, keseimbangan dan keadilan dalam menghadapi cabaran kemajuan serta globalisasi masa kini. Justeru, penghayatan terhadap nilai sosial yang terkandung dalam hadis sahih perlu diperkukuh sebagai salah satu landasan penting dalam usaha membina tamadun yang lestari dan berteraskan prinsip rahmān li al-‘ālamīn.*

Kata kunci: *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Sunnah Nabawiyah, Nilai Sosial dalam Hadis, Etika Sosial Islam, Tamadun Rahmah.*

Pendahuluan

Al-Sunnah al-Nabawiyah merupakan sumber utama ajaran dan perundangan Islam selepas al-Quran al-Karim. Selain berfungsi menjelaskan hukum-hakam syariat, sunnah turut mengandungi panduan yang membentuk akhlak dan mengatur hubungan sesama manusia. Oleh itu, nilai-nilai sosial seperti kasih sayang, tolong-menolong, keadilan, empati, silaturahmi dan penghormatan terhadap hak orang lain merupakan antara prinsip penting yang dapat dikenal pasti dalam ajaran Rasulullah SAW (Al-Bakri, 2017; Ghouri, 2021).

Penghayatan nilai-nilai tersebut mempunyai kepentingan yang besar dalam pembentukan masyarakat yang harmoni, saling bertanggungjawab dan sejahtera. Islam tidak hanya menumpukan hubungan manusia dengan Allah SWT, bahkan turut memberikan perhatian terhadap hubungan sesama manusia. Dalam konteks kehidupan bermasyarakat, nilai sosial yang bersumberkan ajaran Islam bukan sekadar bersifat normatif, bahkan mempunyai dimensi

praktikal yang dapat diterjemahkan dalam pelbagai bentuk interaksi dan kehidupan sosial (Nasir et al., 2018).

Ṣaḥīḥ al-Bukhārī merupakan antara karya hadis yang paling berautoriti dan diterima secara meluas dalam tradisi keilmuan Islam. Karya Imam al-Bukhārī ini menghimpunkan hadis-hadis sahih yang merangkumi pelbagai dimensi kehidupan, termasuk hubungan kekeluargaan, kejiranan, persaudaraan, kebajikan dan tanggungjawab sosial (Tohari, 2021). Hadis-hadis tersebut memperlihatkan panduan Rasulullah SAW dalam membentuk hubungan kemasyarakatan yang berasaskan nilai rahmah, keprihatinan, saling membantu dan penghormatan terhadap hak sesama manusia.

Dalam konteks semasa, nilai-nilai tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dengan gagasan Tamadun Rahmah yang menekankan pembinaan masyarakat berasaskan kasih sayang, keadilan, kesejahteraan dan kemanusiaan. Penghayatan nilai sosial yang bersumberkan sunnah berpotensi menyumbang kepada pembentukan kehidupan masyarakat yang lebih harmoni, inklusif dan bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, meskipun kajian berkaitan hadis dan nilai-nilai sosial telah dilakukan dalam pelbagai konteks, nilai sosial yang terkandung dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī masih memerlukan penelitian yang lebih sistematik sebagai suatu kerangka konseptual dalam memahami hubungannya dengan pembinaan masyarakat berteraskan rahmah. Perbincangan sedia ada lazimnya menumpukan tema atau nilai tertentu secara berasingan, sedangkan usaha menghimpunkan dan menganalisis nilai-nilai sosial daripada hadis sebagai suatu asas konseptual yang berkaitan dengan gagasan Tamadun Rahmah masih memerlukan penelitian yang lebih terarah.

Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai sosial yang terdapat dalam hadis-hadis terpilih daripada Ṣaḥīḥ al-Bukhārī serta menghuraikan sumbangannya terhadap pembangunan kerangka konseptual Tamadun Rahmah. Kajian ini tidak sekadar menunjukkan bahawa hadis mengandungi nilai-nilai sosial, sebaliknya berusaha menyusun nilai-nilai yang dikenal pasti daripada analisis hadis secara sistematik bagi menjelaskan hubungannya dengan pembentukan masyarakat yang berteraskan rahmah, kesejahteraan dan tanggungjawab sosial.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen dan analisis kandungan. Data kajian terdiri daripada hadis-hadis terpilih dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī yang berkaitan dengan nilai dan interaksi sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Pemilihan hadis dibuat berdasarkan kesesuaiannya dengan fokus kajian, khususnya yang melibatkan kebajikan pekerja, kerjasama dan tolong-menolong, empati, penyebaran salam, silaturahim serta hak kejiranan.

Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik. Hadis-hadis yang dipilih diteliti dan dikategorikan berdasarkan tema nilai sosial yang dikenal pasti daripada kandungannya. Proses analisis melibatkan pengenalanpastian tema, pengkategorian nilai sosial serta penelitian terhadap makna dan petunjuk hadis berdasarkan huraian para ulama dalam karya-karya syarah hadis. Tema-tema yang dikenal pasti kemudiannya dianalisis bagi menjelaskan hubungannya dengan nilai rahmah, keadilan, perpaduan dan kesejahteraan sosial dalam konteks Tamadun Rahmah.

Skop kajian ini terbatas kepada hadis-hadis terpilih daripada Ṣaḥīḥ al-Bukhārī yang mempunyai kaitan dengan nilai dan hubungan sosial. Kajian ini tidak melibatkan analisis sanad, penilaian semula taraf kesahihan hadis atau perbandingan dengan riwayat lain. Tumpuan kajian adalah terhadap kandungan dan makna hadis serta nilai-nilai sosial yang dapat dikenal pasti menerusi analisis teks dan huraian para ulama.

Hasil Dan Perbincangan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat beberapa panduan dan petunjuk yang terdapat dalam hadis-hadis Nabi SAW tentang asas pembinaan tamadun Rahmah. Pengkaji hanya memfokuskan beberapa hadis yang ada dalam *ṣaḥīḥ al-Bukhari*. Hasil dapatan dan perbincangan adalah seperti berikut:

Bil	Hadis (Awal Ayat/Matan)	Ringkasan Maksud Hadis	Kedudukan Hadis (Takhrij)
1	إِنَّ إِخْوَانَكُمْ حَوْلَكُمْ، جَعَلَهُمُ اللَّهُ تَحْتَ أَيْدِيكُمْ	Sesungguhnya saudara-saudara kamu adalah pembantu-pembantu kamu yang dijadikan oleh Allah di bawah kekuasaanmu...	(No. 2407, Kitāb al-‘Itq, Bāb Qawl al-Nabī ﷺ: al-‘Abīd Ikhwānukum fa Aṭ‘imūhum Mimmā Ta’kulūn).
2	إِنَّ الْأَشْعَرِيِّينَ إِذَا أَرْمَلُوا فِي الْعَزْوِ...	Sesungguhnya kaum al-Asy'ariyyin, apabila mereka kehabisan bekalan makanan dalam peperangan...	(No. 2354, Kitāb al-Sharikah, Bāb: Al-Sharikah fī al-Ṭa‘ām wa al-Nahd wa al-‘Urūd).
3	تَرَى الْمُؤْمِنِينَ فِي تَرَاحِمِهِمْ وَتَوَادِهِمْ...	Kamu akan melihat orang-orang yang beriman itu dalam sifat saling merahmati, umpama satu tubuh...	(No. 5665, Kitāb al-Adab, Bāb Raḥmat al-Nās wa al-Bahā’im).
4	مَنْ كَانَتْ عِنْدَهُ مَظْلَمَةٌ	Sesiapa yang mempunyai kezaliman terhadap saudaranya, maka hendaklah dia memohon kemaafan daripadanya....	(No. 6169, Kitāb al-Riqaq, Bab al-Qisas Yawm al-Qiyamah).
5	مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ	Jibril AS sentiasa menasihatku supaya berbuat baik kepada jiran.....	(No. 5669, Kitāb al-Adab, Bāb: Al-Waṣiyyah bi al-Jār).

Jadual 1: Hadis-hadis Nilai Kemasyarakatan sebagai Asas Masyarakat Penyayang dalam Sahih al-Bukhari

Kesemua hadis di atas diteliti semula dengan melihat makna tersurat (apa yang tertulis) dan makna tersirat (maksud mendalam/sesuai dengan zaman sekarang). Tujuannya adalah untuk memahami panduan harian yang boleh digunakan bagi menguatkan hubungan dalam masyarakat.

Berikut adalah huraian mudah bagi setiap tema:

Menjaga Kebajikan Pekerja sebagai Asas Keadilan Sosial

Hadis pertama menekankan tanggungjawab majikan terhadap pekerja dan golongan yang berada di bawah tanggungannya.

حَدَّثَنَا آدَمُ بْنُ أَبِي إِيَاسٍ: حَدَّثَنَا شُعْبَةُ: حَدَّثَنَا وَاصِلُ الْأَحَدَبِ قَالَ: سَمِعْتُ الْمَعْرُورَ بْنَ سُوَيْدٍ قَالَ: رَأَيْتُ أَبَا ذَرٍّ الْغِفَارِيَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، وَعَلَيْهِ خُلَّةٌ، وَعَلَى غُلَامِهِ خُلَّةٌ، فَسَأَلْنَاهُ عَنْ ذَلِكَ، فَقَالَ: إِنِّي سَابَبْتُ رَجُلًا، فَشَكَانِي إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (أَعْيَرْتَهُ بِأَمْرِهِ). ثُمَّ قَالَ: (إِنَّ إِخْوَانَكُمْ حَوْلَكُمْ، جَعَلَهُمُ اللَّهُ تَحْتَ أَيْدِيكُمْ، فَمَنْ كَانَ أَخُوهُ تَحْتَ يَدِهِ، فَلْيُطْعِمْهُ مِمَّا يَأْكُلُ، وَلْيُلْبِسْهُ مِمَّا يَلْبَسُ، وَلَا تُكَلِّفُوهُمْ مَا يَغْلِبُهُمْ، فَإِنْ كَلَّفْتُمُوهُمْ مَا يَغْلِبُهُمْ فَأَعْيِبُوهُمْ)

Daripada al-Ma'rūr bin Suwayd, beliau berkata:

Aku melihat Abu Dzar al-Ghifari رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ menggunakan pakaian yang sama seperti yang digunakan oleh hambanya. Apabila ditanya mengenai perkara tersebut, beliau menjelaskan bahawa beliau pernah mencela seorang lelaki sehingga perkara itu diadukan kepada Rasulullah SAW. Lalu Baginda menegurnya dengan bersabda: "Adakah engkau mencelanya dengan ibunya?" Kemudian Baginda menegaskan bahawa golongan hamba dan pembantu merupakan saudara yang berada di bawah tanggungjawab majikan. Oleh itu, mereka hendaklah diberikan makanan dan pakaian yang setara dengan apa yang dinikmati oleh majikan serta tidak dibebankan dengan pekerjaan yang melampaui kemampuan mereka. Sekiranya mereka diberikan tugas yang berat, majikan hendaklah membantu mereka dalam melaksanakannya. (*Kitab al-'Itq, Bāb Qawl al-Nabī ﷺ al-'Abīd Ikhwānukum fa Aṭ'imūhum Mimmā Ta'kulūn*)

Dalam menghuraikan hadis ini, al-Anṣārī (2018) menjelaskan bahawa istilah khawālukum merujuk kepada golongan pembantu atau khadam yang membantu menguruskan urusan kehidupan harian. Beliau menegaskan bahawa hadis ini mengandungi galakan supaya pekerja diberikan layanan yang baik, dipenuhi keperluan asas mereka serta tidak dibebankan dengan pekerjaan yang melampaui kemampuan. Sekiranya sesuatu tugas memerlukan tenaga yang lebih besar daripada kemampuan mereka, majikan disarankan untuk membantu atau menyediakan sokongan yang sewajarnya.

Hadis ini memperlihatkan bahawa Islam meletakkan hubungan antara majikan dan pekerja dalam kerangka persaudaraan, penghormatan terhadap maruah insan dan tanggungjawab sosial. Pekerja tidak dilihat sekadar sebagai tenaga kerja yang menyumbang kepada produktiviti ekonomi, bahkan sebagai individu yang mempunyai hak dan perlu dilayan secara adil serta berperikemanusiaan. Penegasan Rasulullah SAW terhadap aspek pemakanan, pakaian dan beban kerja menunjukkan bahawa kesejahteraan pekerja merupakan sebahagian daripada tanggungjawab moral yang perlu dipikul oleh setiap majikan. Hal ini menunjukkan bahawa hubungan antara kedua-duanya tidak seharusnya dibina atas dasar kepentingan dan keuntungan semata-mata, sebaliknya perlu dipandu oleh nilai kemanusiaan dan tanggungjawab yang digariskan oleh Islam. Dalam hal ini, penelitian Mohd Noh, Ahmad dan Halim (2018) turut menjelaskan bahawa hubungan antara majikan dan pekerja menurut perspektif Islam berkait rapat dengan beberapa prinsip seperti ta'aruf, ta'awun, takāful dan tasāmuḥ. Prinsip-prinsip tersebut dapat membentuk hubungan pekerjaan yang berasaskan saling mengenali dan

memahami, bekerjasama dalam melaksanakan tanggungjawab, menjaga kebajikan serta menghormati antara satu sama lain.

Daripada perspektif kemasyarakatan, penghayatan nilai ini berupaya menyumbang kepada pembentukan hubungan pekerjaan yang lebih harmoni, mengurangkan unsur eksploitasi serta memperkukuh keadilan sosial dalam masyarakat. Dalam konteks semasa, prinsip yang diketengahkan oleh hadis ini selaras dengan usaha memperkasakan hak pekerja, menjamin kebajikan golongan rentan dan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih beretika. Dalam erti kata yang lebih luas, penghayatan terhadap panduan Nabi SAW dalam hadis ini dapat menjadi asas penting dalam mengatur hubungan antara manusia di tempat kerja. Apabila kebajikan pekerja dipelihara dan hak mereka diberikan dengan sewajarnya, hubungan antara majikan dan pekerja dapat dibina atas asas keadilan, saling membantu dan tanggungjawab bersama. Justeru, pemeliharaan kebajikan pekerja merupakan salah satu elemen penting dalam pembinaan Tamadun Rahmah yang berteraskan nilai ihsan, keadilan dan penghormatan terhadap martabat manusia.

Budaya Tolong-Menolong sebagai Asas Solidariti Sosial

عَنْ أَبِي بُرْدَةَ، عَنْ أَبِي مُوسَى قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (إِنَّ الْأَشْعَرِيِّينَ إِذَا أَرْمَلُوا فِي الْعَزْوِ، أَوْ قَلَّ طَعَامُ عِيَالِهِمْ بِالْمَدِينَةِ، جَمَعُوا مَا كَانَ عَنْدهُمْ فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ، ثُمَّ افْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِنَاءٍ وَاحِدٍ بِالسَّوِيَّةِ، فَهُمْ مِنِّي وَأَنَا مِنْهُمْ).

Daripada Abu Musa al-Ash'arī RA, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sesungguhnya kaum al-Ash'ariyyīn, apabila mereka kehabisan bekalan makanan ketika berada dalam peperangan atau apabila makanan keluarga mereka di Madinah semakin sedikit, mereka akan mengumpulkan segala makanan yang ada pada mereka ke dalam satu kain. Kemudian mereka membahagikannya sesama mereka secara sama rata dalam satu bekas. Mereka itu adalah daripada golonganku dan aku daripada golongan mereka." (*Kitāb al-Sharikah, Bāb al-Sharikah fī al-Ṭa'ām wa al-Nahd wa al-'Urūd*)

Hadis berkaitan kaum al-Ash'ariyyīn memperlihatkan kepentingan budaya tolong-menolong dan perkongsian sumber sebagai asas pembentukan masyarakat yang sejahtera. Rasulullah SAW memuji tindakan mereka yang mengumpulkan bekalan makanan yang masih berbaki dan mengagihkannya secara sama rata sesama anggota komuniti ketika berhadapan dengan kesukaran hidup. Pengiktirafan yang diberikan oleh Baginda menunjukkan bahawa amalan saling membantu dan berkongsi sumber merupakan antara nilai sosial yang diberi penekanan dalam Islam.

Dalam menghuraikan hadis ini, al-Qāḍī 'Iyād (2008) menjelaskan bahawa istilah *armalū* merujuk kepada keadaan kehabisan bekalan makanan atau menghadapi kesempitan hidup. Menurut beliau, hadis tersebut menunjukkan keutamaan nilai *al-muwāsāh* (berkongsi kesusahan) dan *al-samāḥah* (kemurahan hati), yang menjadi antara ciri utama masyarakat Islam pada generasi awal. Kedua-dua nilai ini mencerminkan kesediaan individu untuk memikul beban secara bersama demi menjaga kebajikan anggota masyarakat yang lain.

Daripada perspektif kemasyarakatan, hadis ini menggambarkan bahawa penghayatan nilai *al-Īthār* berupaya memperkukuh solidariti sosial serta mengurangkan jurang ekonomi dalam masyarakat. Sikap mendahulukan kepentingan orang lain berbanding kepentingan diri sendiri bukan sahaja dapat memupuk semangat kebersamaan, malah berfungsi sebagai mekanisme yang memperkukuh jaringan sokongan sosial dalam komuniti. Dalam konteks pembinaan Tamadun Rahmah, nilai-nilai tersebut menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih inklusif, prihatin dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan bersama.

Empati sebagai Medium Pengukuhan Hubungan Masyarakat

حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ: حَدَّثَنَا زَكَرِيَّا، عَنْ عَامِرٍ قَالَ: سَمِعْتُهُ يَقُولُ: سَمِعْتُ التَّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ يَقُولُ:
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (تَرَى الْمُؤْمِنِينَ: فِي تَرَاحُمِهِمْ، وَتَوَادِّهِمْ، وَتَعَاطُفِهِمْ، كَمَثَلِ الْجَسَدِ، إِذَا اشْتَكَى
غَضُّوا، تَدَاوَى لَهُ سَائِرُ جَسَدِهِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَى).

Daripada Anas bin Mālik RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

"Iman seseorang dari kamu tidak sempurna sehingga dia mengasihi saudaranya sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri." (*Kitāb al-Īmān, Bāb Min al-Īmān an Yuhibba li Akhihi Mā Yuhibbu li Nafsihi*)

Hadis yang mengumpamakan orang beriman sebagai satu tubuh yang saling merasai kesakitan antara satu sama lain menggambarkan bahawa hubungan sesama anggota masyarakat hendaklah dibina atas asas kasih sayang, keprihatinan dan tanggungjawab bersama. Perumpamaan tersebut menunjukkan bahawa kesejahteraan individu tidak dapat dipisahkan daripada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya. Apabila sebahagian anggota masyarakat ditimpa kesusahan, penderitaan atau musibah, anggota masyarakat yang lain turut dipertanggungjawabkan untuk memberikan perhatian dan bantuan yang sewajarnya.

Dalam menghuraikan hadis ini, al-Qāḍī 'Iyād (2008) menjelaskan bahawa Rasulullah SAW turut mengumpamakan hubungan sesama orang beriman seperti sebuah bangunan yang saling menguatkan antara satu sama lain. Menurut beliau, kedua-dua hadis tersebut menekankan kepentingan kerjasama (*ta'āwun*), saling membantu (*tanāṣur*), kasih sayang (*tawādd*) dan belas kasihan (*tarāḥum*) sebagai asas pembentukan masyarakat yang kukuh. Penggunaan perumpamaan tubuh badan dan bangunan memperlihatkan bahawa setiap anggota masyarakat mempunyai peranan yang saling melengkapi dalam memelihara kesejahteraan bersama.

Pandangan tersebut diperkukuhkan oleh Ibn Baṭṭāl (2003) yang menjelaskan bahawa Islam menggalakkan umatnya menzahirkan sifat rahmah kepada seluruh makhluk tanpa mengira latar belakang, termasuk sesama manusia dan haiwan. Menurut beliau, sifat belas kasihan merupakan antara amalan yang menjadi sebab keampunan dosa, manakala setiap individu dipertanggungjawabkan terhadap kebajikan mereka yang berada di bawah jagaannya. Penjelasan ini menunjukkan bahawa konsep rahmah dalam Islam bukan sekadar bersifat emosional, bahkan diterjemahkan melalui tindakan nyata seperti membantu golongan yang memerlukan, meringankan kesusahan mereka serta memenuhi hak-hak yang dipertanggungjawabkan.

Daripada perspektif kemasyarakatan, penghayatan nilai empati dan kasih sayang berupaya memperkukuh kesatuan masyarakat, meningkatkan kepercayaan antara anggota masyarakat serta mengukuhkan jaringan sokongan sosial. Hubungan yang dibina atas asas rahmah akan mendorong masyarakat untuk saling membantu, menghormati hak sesama insan dan mengurangkan konflik yang boleh menggugat keharmonian. Justeru, nilai empati, kasih sayang dan tanggungjawab sosial yang terkandung dalam hadis-hadis Rasulullah SAW merupakan antara asas utama dalam pembinaan Tamadun Rahmah yang berteraskan kesejahteraan, perpaduan dan kemuliaan insan.

Pengukuhan Institusi Kekeluargaan melalui Silaturahmi dan Pemaafan

Institusi keluarga merupakan unit asas dalam pembentukan masyarakat. Hadis mengenai silaturahmi menunjukkan bahawa hubungan kekeluargaan perlu dipelihara walaupun berhadapan dengan sikap negatif daripada pihak lain.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: (مَنْ كَانَتْ عِنْدَهُ مَظْلَمَةٌ لِأَخِيهِ فَلْيَتَحَلَّلْهُ مِنْهَا، فَإِنَّهُ لَيْسَ ثُمَّ دِينَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ، مِنْ قَبْلِ أَنْ يُؤْخَذَ لِأَخِيهِ مِنْ حَسَنَاتِهِ، فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ حَسَنَاتٌ أُخِذَ مِنْ سَيِّئَاتِ أَخِيهِ فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ).

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Sesiapa yang mempunyai kezaliman terhadap saudaranya, maka hendaklah dia memohon kemaafan daripadanya. Sesungguhnya pada hari akhirat nanti tidak ada lagi dinar dan dirham. Oleh itu, sebelum diambil daripada pahala-pahalanya untuk diberikan kepada saudaranya yang dizalimi, hendaklah dia menyelesaikannya terlebih dahulu. Jika dia tidak mempunyai pahala, maka dosa-dosa saudaranya itu akan diambil lalu dibebankan ke atasnya." (*Kitāb al-Riqāq, Bāb al-Qiṣāṣ Yawm al-Qiyāmah*)

Hadis ini menegaskan kepentingan memelihara hak sesama manusia serta menyelesaikan segala bentuk kezaliman sebelum seseorang meninggal dunia. Rasulullah SAW memberi peringatan bahawa hak manusia tidak akan gugur begitu sahaja, bahkan akan diadili dengan penuh keadilan pada hari akhirat. Berbeza dengan urusan dunia yang boleh diselesaikan melalui harta atau pampasan, penyelesaian di akhirat dilakukan melalui pemindahan pahala dan dosa antara pihak yang menzalimi dan yang dizalimi.

Dalam menghuraikan hadis ini, Ibn `Uthaymīn (2004) menjelaskan bahawa kezaliman terhadap manusia merangkumi tiga bentuk utama, iaitu kezaliman terhadap tubuh badan, harta benda dan maruah seseorang. Sekiranya kezaliman melibatkan harta, hak tersebut wajib dikembalikan kepada pemiliknya atau warisnya. Jika melibatkan kecederaan fizikal, pelakunya perlu menyerahkan hak qisas atau pampasan yang sewajarnya. Manakala jika melibatkan maruah seperti mencaci, memfitnah atau mengumpat, pelaku hendaklah memohon kemaafan daripada pihak yang terlibat atau memperbanyakkan doa serta istighfar untuknya sekiranya perkara tersebut tidak diketahui oleh mangsa.

Daripada perspektif kemasyarakatan, hadis ini memperlihatkan bahawa pembinaan masyarakat yang harmoni memerlukan penghormatan terhadap hak individu dan kesediaan untuk mengakui kesalahan serta memohon kemaafan. Konflik yang tidak diselesaikan berpotensi menimbulkan

permusuhan berpanjangan, meretakan hubungan sosial dan melemahkan perpaduan masyarakat. Sebaliknya, budaya memohon maaf, memaafkan dan memulihkan hubungan yang terjejas mampu mewujudkan suasana yang lebih aman dan sejahtera.

Nilai ini diperkukuhkan lagi melalui contoh pemaafan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam beberapa peristiwa kehidupan Baginda. Budaya pemaafan berupaya mengurangkan konflik, memulihkan hubungan yang retak dan memperkukuh institusi keluarga. Justeru, silaturahim dan memaafkan merupakan unsur penting dalam pembentukan masyarakat yang stabil dan sejahtera.

Dalam konteks pembinaan Tamadun Rahmah, hadis ini menekankan bahawa keadilan sosial bukan sahaja berkaitan pemeliharaan hak material, bahkan merangkumi penjagaan maruah, kehormatan dan perasaan sesama manusia. Penghayatan nilai tersebut berupaya melahirkan masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan berintegriti. Justeru, penyelesaian konflik secara berhemah dan pemulihan hubungan sosial merupakan antara asas penting dalam membentuk masyarakat yang berteraskan rahmah dan keadilan.

Hubungan Kejiranan sebagai Teras Kesejahteraan Komuniti

Hadis berkaitan hak jiran menunjukkan bahawa Islam memberikan perhatian yang besar terhadap hubungan kejiranan sebagai salah satu asas penting dalam kehidupan bermasyarakat. Kepentingan perkara ini dapat diperhatikan menerusi pesanan Jibril AS yang berulang kali mengingatkan Rasulullah SAW tentang kewajipan berbuat makruf kepada jiran sehingga Baginda menyangka bahawa jiran akan diberikan hak pewarisan. Penegasan tersebut menggambarkan kedudukan istimewa yang diberikan oleh Islam terhadap institusi kejiranan dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ:
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِينِي بِالْجَارِ، حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورُنِي).

Daripada Abdullah bin Umar RA, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

" Jibril AS sentiasa berpesan kepadaku agar berbuat baik kepada jiran, sehingga aku menyangka bahawa jiran tersebut akan diberikan hak untuk mewarisi. (*Kitāb al-Adab, Bāb al-Waṣāh bi al-Jār*)

Dalam menghuraikan hadis ini, al-Qaṣṭallānī (2021) menjelaskan bahawa hak jiran dapat ditunaikan melalui pelbagai bentuk kebaikan mengikut kemampuan, seperti membantu ketika kesusahan, bertanya khabar, memberi layanan yang baik dan mengelakkan segala bentuk gangguan. Hal ini menunjukkan bahawa hubungan kejiranan dalam Islam bukan sekadar berasaskan kedudukan fizikal, bahkan merupakan suatu tanggungjawab sosial yang berteraskan ihsan, saling menghormati dan keprihatinan terhadap kebajikan jiran.

Pendekatan Rasulullah SAW dalam menghidupkan nilai kejiranan turut menekankan amalan saling membantu, memelihara rahsia dan menutup aib jiran (Maisarah Saidin et al., 2020). Amalan tersebut membentuk hubungan yang berasaskan kepercayaan dan pemeliharaan maruah, sekali gus memperkukuh ikatan antara anggota komuniti. Ali (2018) turut menjelaskan bahawa jiran yang baik merupakan antara unsur yang menyumbang kepada kesejahteraan, manakala jiran yang buruk boleh menjadi antara faktor yang membawa kesengsaraan dalam

kehidupan. Dapatan ini memperlihatkan bahawa kualiti hubungan kejiiran mempunyai pengaruh terhadap kesejahteraan kehidupan dan keharmonian komuniti.

Daripada perspektif kemasyarakatan, hubungan kejiiran yang baik membentuk jaringan sokongan sosial dalam komuniti. Sikap saling membantu dan mengambil berat terhadap keadaan jiran dapat meningkatkan rasa selamat, memperkukuh kerjasama serta menjadikan masyarakat lebih peka terhadap keperluan golongan yang memerlukan.

Justeru, dalam pembinaan Tamadun Rahmah, hubungan kejiiran yang berasaskan ihsan, keprihatinan dan tanggungjawab bersama merupakan antara teras penting kesejahteraan komuniti. Apabila hak dan kebajikan jiran dipelihara, hubungan sosial dalam komuniti dapat diperkukuh ke arah pembentukan masyarakat yang aman, sejahtera dan berteraskan nilai rahmah.

Kesimpulan Dan Penutup

Kajian ini telah mengenal pasti beberapa nilai sosial utama yang terkandung dalam hadis-hadis terpilih daripada *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, iaitu kebajikan pekerja, semangat tolong-menolong dan *al-Īthār*, empati, etika komunikasi, silaturahim dan pemaafan, serta hubungan kejiiran. Kesemua nilai tersebut memperlihatkan bahawa sunnah Rasulullah SAW bukan sekadar mengajarkan hal-hal berkaitan ibadah dan hubungan manusia dengan Allah SWT, malah menyediakan asas yang kukuh bagi pembentukan hubungan sosial yang harmoni dan sejahtera.

Analisis terhadap hadis-hadis yang dikaji menunjukkan bahawa Islam menekankan pembinaan masyarakat melalui penghayatan nilai kasih sayang, keadilan, keprihatinan, kerjasama dan tanggungjawab bersama. Nilai-nilai tersebut berfungsi sebagai mekanisme yang dapat memperkukuh perpaduan masyarakat, memelihara kebajikan golongan yang memerlukan, mengurangkan konflik sosial serta membentuk jaringan sokongan sosial yang lebih kukuh. Dalam masa yang sama, huraian para ulama terhadap hadis-hadis tersebut membuktikan bahawa nilai sosial yang digariskan oleh Rasulullah SAW mempunyai dimensi yang luas dan sentiasa relevan dalam menghadapi cabaran kehidupan masyarakat kontemporari.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pembinaan Tamadun Rahmah tidak dapat dipisahkan daripada penghayatan nilai-nilai sosial yang terkandung dalam sunnah. Kebajikan pekerja mencerminkan prinsip keadilan sosial, budaya *al-Īthār* memperkukuh solidariti komuniti, empati memperkukuh perpaduan masyarakat, etika komunikasi memelihara keharmonian masyarakat, manakala silaturahim dan hubungan kejiiran berperanan mengukuhkan institusi sosial yang menjadi asas kepada kestabilan sesebuah masyarakat. Kesemua elemen ini saling melengkapi dalam melahirkan masyarakat yang berteraskan rahmah, saling menghormati dan bertanggungjawab terhadap kesejahteraan bersama.

Justeru, penghayatan nilai sosial yang terdapat dalam hadis-hadis *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* wajar diberikan perhatian yang lebih serius dalam usaha memperkukuh pembangunan masyarakat Islam pada masa kini. Nilai-nilai tersebut bukan sahaja mempunyai signifikan dari sudut pembinaan akhlak individu, bahkan berpotensi menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang inklusif, berdaya tahan dan berteraskan prinsip rahmah. Dengan menjadikan sunnah Rasulullah SAW sebagai panduan dalam kehidupan bermasyarakat, aspirasi untuk membangunkan Tamadun Rahmah yang seimbang dari aspek rohani, sosial dan kemanusiaan dapat direalisasikan dengan lebih berkesan.

Implikasi Kajian

Kajian ini menyumbang kepada pengembangan wacana hadis dan pembangunan masyarakat dengan mengetengahkan nilai-nilai sosial yang terkandung dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī sebagai kerangka pembinaan Tamadun Rahmah. Dapatan kajian boleh dijadikan asas dalam pembangunan modul pendidikan, program pembangunan komuniti serta pengukuhan dasar sosial yang berteraskan nilai Islam.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT atas segala limpahan taufik dan inayah-Nya yang mengurniakan kekuatan serta kesempatan untuk menyempurnakan penulisan artikel ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pembawa risalah Islam serta sumber teladan utama bagi umat manusia.

Penulis turut merakamkan penghargaan kepada Fakulti al-Quran dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), atas sokongan, kemudahan dan bantuan yang telah diberikan untuk menyediakn artikel ini.

Dalam tradisi keilmuan Islam, setiap usaha manusia tidak terlepas daripada kekurangan dan keterbatasan. Justeru, segala kekhilafan, kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam penulisan ini adalah menjadi tanggungjawab penulis sepenuhnya. Penulis berharap agar segala usaha yang sederhana ini dapat memberikan sumbangan, walaupun kecil, kepada pengembangan khazanah pengajian al-Sunnah dan penyelidikan hadis.

Rujukan

- al-Anṣārī, Z. M. A. (2018). *Minḥat al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Maktabah al-Rushd.
- Al-Bukhārī, M. I. (1993). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (M. D. al-Bughā, Ed.; 5th ed.). Dār Ibn Kathīr & Dār al-Yamāmah.
- Ali, A. W. M. (2018). Konsep Kesejahteraan Keluarga Menurut Hadis Al-Sa ‘adah. *Asian People Journal (APJ)*, 1(2) <https://journal.unisza.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/2>
- al-Nawawī, Y. S., (1972). *Al-Minhāj fī sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj*. Dār Ihyā’ al-Turāth al- ‘Arabī.
- al-Qāḍī ‘Iyāḍ. (1998). *Ikmāl al-Mu`lim bi Fawā'id Muslim* (Y. Ismā‘īl, Ed.). Dār al-Wafā’ lil-Ṭibā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’
- al-Qaṣṭallānī, A. M. (2021). *Irshād al-Sārī li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Al-Maktab al-‘Ilmī bi Dār al-Kamāl al-Muttaḥidah (Ed.). Dār ‘Aṭā’āt al-‘Ilm & Dār Ibn Ḥazm.
- Ardiasyah, M. N. (2025). Peranan Bahasa Arab Dalam Memahami Al-Qur'an Dan Hadist Melalui Dauroh Pengambilan Sanad Al-Qur'an, Hadits, Matan Tajwid Kitab Tuhfatul Atfal Dan Jazariyyah Di Pondok Pesantren Royatul Qur'an. *Jurnal Pengabdian kepada Masyarakat*, 4(2), 34-47.
- Basree, N. I. A., Mohamed Nor, Z., Mohd Tawil, S. F., & Syed Mohideen, F. B. (2025). Pendekatan Sosial dalam Menangani Tekanan Emosi menurut Sahih al-Bukhari: Society Approaches in Dealing with Emotional Distress in Sahih al-Bukhari. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 9(2), 76–92. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol9no2.257>
- Ibn Baṭṭāl, (2003). *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Y. ibn Ibrāhīm, Ed.; 2nd ed.). Maktabat al-Rushd.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, A. A. (t.t.). *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Ibn ‘Uthaymīn, M. ibn Ṣ. M. (2004). *Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Dār al-Waṭan li al-Nashr.
- Maisarah Saidin, Siti Mardhiyah Kamal Azhar, & Norwardatun Mohamed Razali. (2020). Peranan Institusi Kejiranan ketika Pandemik Covid-19 Menurut Perspektif Sunnah: Neighbourhood Institutions Role during the Covid-19 Pandemics According to Sunnah Perspective. *Ma‘ālim Al-Qur’ān Wa Al-Sunnah*, 16(2), 48–68. <https://doi.org/10.33102/jmq.v16i2.225>
- Mohd Noh, Z., Ahmad, S., & Halim, H. (2018). Analisis Hubungan Antara Majikan Dan Pekerja Menurut Perspektif Islam. *Human Sustainability Procedia*. <https://periodical.uthm.edu.my/index.php/hsp/article/view/1209>
- Syed Abdul Majid Ghouri, & Zulhilmi Mohamed Nor. (2021). Kewajipan utama terhadap al-Sunnah al-Nabawiyyah dalam berhadapan dengan cabaran semasa. *In Proceedings of the International Conference on Emerging Issues in Islamic Studies (ICONS 2021)*. Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, Malaysia.
- Tohari, C. (2021). Otoritas Sahih Bukhari Sebagai Kitab Hadis Rujukan Dalam Hukum Islam. *Istinbath: Jurnal Hukum*, 18(2), 236-252.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. (2017, September 21). *Kedudukan sunnah di sisi al-Qur'an* (Bayan Linnas Siri ke-116). Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/660-bayan-linnas-siri-ke-116-kedudukan-sunnah-di-sisi-al-qur-an>
- Abdul Latif, A, M, (2012). *Dawābiṭ al-Jarḥ wa al-Ta’dīl*. Obeikan.